

Peranan perpustakaan

B/H 29/6/2011 14.

dalam memupuk amalan membaca

UMUM menyedari bahawa budaya membaca sebaiknya dipupuk dan disemai pada usia yang masih muda. Bagaimanapun tabiat membaca ini begitu sinonim diperkatakan hanya bagi memenuhi tanggungjawab dan tuntutan kecemerlangan akademik semata-mata terutama ketika memasuki alam persekolahan sehingga menjejakkan kaki ke menara gading.

Ini menjadikan tanggungjawab bagi melahirkan pembaca yang membaca seumur hidup dan pembaca yang dahagakan pengetahuan hasil daripada pembacaan melalui jalan sukar. Perpustakaan yang tonggak dalam penjaan ilmu, perlu mengembang dan menginspirasi aktiviti pembacaan sebagai satu kegiatan secara sukarela bagi memenuhi masa terluang di samping memenuhi keperluan intelektual pembaca.

Menyedari hakikat bahawa membaca ialah amalan mulia

yang patut diamalkan setiap rakyat, Perpustakaan Sultanah Zanariah (PSZ), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah mengambil pelbagai inisiatif mempromosikan budaya membaca ke seluruh komuniti UTM termasuk mahasiswa dan kakitangan akademik.

Inisiatif atau pendekatan yang diambil antaranya ialah melalui penubuhan *UTM Reading Stations* (UTMRS). UTMRS adalah cetusan idea dan buah fikiran daripada Naib Canselor, Prof Datuk Ir Dr Zaini Ujang dalam usaha menggalakkan pembabitan komuniti dalam melahirkan ekosistem keilmuan dalam kalangan masyarakat UTM. Hingga kini, ada 58 UTMRS di sekitar universiti merangkumi kampus Johor Bahru dan Kampus Antarabangsa Kuala Lumpur.

Tidak seperti perpustakaan konvensional, yang mana individu perlu menjadi ahli terlebih dulu, UTMRS

berkonsep lebih terbuka iaitu sesiapa saja yang berminat boleh membaca, meminjam dan memulangkan bahan pada bila-bila masa dan di mana-mana UTMRS.

Apa yang menarik, koleksi bahan di UTMRS ialah hasil sumbangan masyarakat UTM melalui kotak sumbangan buku yang diletakkan di pelbagai lokasi. Sumbangan seperti buku, majalah dan pelbagai bahan bacaan lain boleh disumbangkan terus ke kotak khas itu yang ada di sekitar kampus UTM. Sehingga kini budaya menyumbang buku dalam kalangan masyarakat UTM telah berjaya mengumpul sebanyak 11,419 naskhah bahan bacaan untuk ditempatkan di UTMRS.

UTM kini berhasrat mengembangkan inisiatif UTMRS kepada masyarakat di sekitarnya. Sebagai permulaan konsep *Reading Station* ini akan dikembangkan ke beberapa sekolah terpilih

di sekitar Johor Bahru. Objektif utama penubuhan *Reading Station* di sekolah ialah untuk menyemai minat membaca yang kukuh dalam kalangan pelajar dengan mendedahkan mereka kepada persekitaran dan koleksi bahan yang boleh dibaca secara bebas dan santai.

Pelajar juga digalakkan pergi ke *Reading Station* sekiranya ada masa terluang seperti waktu rehat bagi membaca atau meminjam bahan. Di sekolah *Reading Station* perlu ditempatkan di lokasi strategik dan mudah dilihat seperti di kantin, ruang menunggu atau taman rekreasi sekolah.

Dengan ini, mereka boleh terus membaca bahkan meminjam dan memulangkan bahan bacaan mengikut kesesuaian masa. Dalam pada itu, mereka juga boleh bergaul dengan rakan yang berkongsi minat sama dalam aktiviti pembacaan ini. Berbeza dengan perpustakaan

sekolah, *Reading Station* tidak menggariskan sebarang peraturan peminjaman kepada pengguna.

Sementara itu, koleksi di *Reading Station* juga perlulah terdiri daripada bahan yang disumbangkan oleh warga sekolah atau pelbagai pihak lain yang berkaitan. Sekolah boleh melancarkan kotak sumbangan buku bagi menarik perhatian setiap warga sekolah iaitu pelajar, ibu bapa, guru dan masyarakat sekitar untuk menyumbangkan bahan bacaan yang tidak lagi digunakan.

Tidak dinafikan, perkara ini boleh membantu dalam menerapkan nilai kepunyaan dan tanggungjawab pelajar dalam memelihara bahan supaya individu lain boleh membacanya juga. Ini diikuti dengan mengenalpasti lokasi atau sudut yang strategik dengan hanya satu rak yang tidak semestinya baru dan beberapa buah kerusi.

Pelajar juga boleh membabitkan diri dengan aktiviti menghias *Reading Station* secara kreatif agar tampak segar dan menarik. Langkah ini diharapkan dapat memberi impak kepada persekitaran ilmu di samping membantu dalam meningkatkan minat membaca kalangan pelajar.

Membaca, sebagai elemen penting dalam diri individu untuk memperoleh pengetahuan dan maklumat. Pengayaan ilmu pengetahuan yang luas membolehkan seseorang memiliki tahap keyakinan diri yang tinggi. Oleh sebab itu, misi pencarian ilmu pengetahuan melalui pembacaan tidak akan pernah berhenti. Bagi sekolah yang berminat, bolehlah terus menghubungi PSZ untuk keterangan lanjut berkaitan *Reading Station* ini.

Sebarang maklumat berkaitan pembangunan dan gambar-gambar terkini UTMRS, sila layari <http://portal.psz.utm.my/readingstation/>

**Oleh,
Norsyuhada Shafie
PSZ JB.**